

RUJ. KAMI (OUR REF.) :

RUJ. TUAN (YOUR REF.) :

UMP.02.01/10.12/2 (08)

20 Januari 2010

Dekan/Pengarah/Ketua Jabatan
Ketua Timbalan Pendaftar/ Timbalan Pendaftar
Penolong Pendaftar Kanan/ Penolong Pendaftar
Presiden Majlis Perwakilan Pelajar
Universiti Malaysia Pahang

Tuan/Puan,

**EDARAN PEKELILING PENTADBIRAN BIL.1 TAHUN 2010 : PENGISTIHARAN
HARI SABTU SEBAGAI HARI AKTIVITI PELAJAR**

Dengan hormat saya diarah menarik perhatian berhubung perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) ke-37 Bil. 1/2010 yang bermesyuarat pada 6 Januari 2010 telah bersetuju mengistiharkan hari Sabtu sebagai Hari Aktiviti Pelajar.

3. Bersama-sama ini dilampirkan Pekeliling Pentadbiran Bil.1 Tahun 2010 mengenai Pengistiharan Hari Sabtu Sebagai Hari Aktiviti Pelajar untuk makluman dan tindakan seterusnya.

4. Pekeliling ini juga boleh dicapai melalui Portal e-Dasar sebagai rujukan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan tugas,


(H.J. MUSTAFA BIN IBRAHIM)

Pendaftar

Universiti Malaysia Pahang

s.k

Naib Canselor

Timbalan-Timbalan Naib Canselor



PEKELILING PENTADBIRAN BIL.1 TAHUN 2010

PENGISTIHARAN HARI SABTU SEBAGAI HARI AKTIVITI PELAJAR

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan keputusan Pengurusan Universiti Malaysia Pahang (UMP) mengenai pengistiharan hari Sabtu sebagai Hari Aktiviti Pelajar.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Penglibatan pelajar dalam sukan dan aktiviti berpesatuan adalah penting dalam membangunkan sahsiah pelajar agar mempunyai ciri-ciri berketerampilan sebagaimana yang digariskan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
- 2.2 Pada masa ini semua aktiviti yang berfokuskan ko-kurikulum ber kredit dijalankan pada hari Rabu di sebelah petang.
- 2.3 Memandangkan masa untuk menjalankan aktiviti ko-kurikulum pada masa ini terhad dan hari-hari lain pula dipenuhi dengan aktiviti pengajaran dan pembelajaran maka terdapat kewajaran untuk menetapkan satu hari khas sebagai hari aktiviti pelajar.

3.0 PELAKSANAAN

- 3.1 Dalam memastikan aktiviti persatuan pelajar dapat dijalankan, pihak Pengurusan Universiti telah bersetuju mengistiharkan **Hari Sabtu sebagai Hari Aktiviti Pelajar**. Ini akan membolehkan pelajar melibatkan diri dengan aktiviti kelab dan persatuan.
- 3.2 Dengan pengumuman ini adalah diharapkan agar pelajar dapat memanfaatkan hari Sabtu dengan mengadakan pelbagai aktiviti berdasarkan kepada lapan (8) teras utama yang ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia iaitu Debat & Pengucapan Awam, Keusahawanan, Kemasyarakatan, Sukan & Rekreasi, Kebudayaan, Kesukarelawan, Pengantarabangsaan dan Kepimpinan & Latihan.

3.3 Semua pegawai dan pelajar Universiti Malaysia Pahang diharapkan dapat memanfaatkan sepenuhnya hari Sabtu ini sebagai Hari Aktiviti Pelajar.

4.0 TARIKH KUATKUASA

Pekeliling ini berkuatkuasa mulai perkuliahan Semester 11 Sesi 2009/2010.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menjalankan tugas,



(HAJI MUSTAFA BIN IBRAHIM)

Pendaftar

Universiti Malaysia Pahang

Tarikh :